

Nama:

Kelas:


Soalan 1 hingga 16

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1. Pak Husin meninggalkan _____ sebelum meninggal dunia supaya Rashid menjagakeluarganya.
 - A. teguran
 - B. amanat
 - C. amaran
 - D. nasihat
2. Model iklan itu mempunyai raut wajah yang sangat _____.
 - A. aneh
 - B. bagus
 - D. cantik
 - D. damai
3. Saya berasa takut apabila guru disiplin yang _____ itubersuara.
 - A. tinggi
 - B. tenang
 - C. besar
 - D. garang
4. Laila menghidangkan kuih itu di atas meja _____ menjemput kami makan.
 - A. lalu
 - B. dan
 - C. apabila
 - D. kerana

5. Poster yang cantik itu telah dilukis _____ Abang Nasrul.
- A. dari
 - B. oleh
 - C. pada
 - D. dengan

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



6. Pintu rumah itu rosak akibat _____ oleh seorang penjenayah.
- A. dikoyak
 - B. dikorek
 - C. diumpil
 - D. diketuk

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7. Ibu meminta Anisa _____ kulit buah itu terlebih dahulu sebelum makan.
- A. mengupas
 - B. mengikis
 - C. mengoyak
 - D. memotong

8. Ejekan budak-budak nakal itu telah _____ Anis menangis.
- A. penyebab
 - B. bersebab
 - C. disebabkan
 - D. menyebabkan
9. Chin Heng memberitahu saya _____ dia mendapat hadiah sebuah komputer.
- A. manakala
 - B. sekiranya
 - C. bahawa
 - D. kecuali

Soalan10 berdasarkan gambar di bawah.



10. Kakak hendak _____ air oren untuk dihidangkan kepada rakan-rakannya.
- A. memasak
 - B. mengacau
 - C. mengadun
 - D. membancuh
11. Nenek _____ sehelai kain untuk mengelap tingkap yang kotor itu.
- A. kebasahan
 - B. dibasahkan
 - C. membasahi
 - D. membasahkan

12. Jonny dan sepupunya akan _____ setiap kali bertemu pada hari perayaan.
- A. bertolak-tolakan
 - B. berkejar-kejaran
 - C. berpeluk-pelukan
 - D. bergayut-gayutan
13. Puan Ying membersihkan beberapa _____ cendawan untuk memasak sup sayur.
- A. kaki
 - B. buah
 - C. ketul
 - D. tongkol

Soalan 14 dan 15

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

14. Pak Cik Vikram menasihati kami supaya tidak bermain di tepi sungai itu.
- A. Kami dinasihati oleh Pak Cik Vikram supaya tidak bermain di tepi sungai itu.
 - B. Pak Cik Vikram memarahi kami kerana bermain di tepi sungai itu.
 - C. Pak Cik Vikram terkejut melihat kami bermain di tepi sungai itu.
 - D. Kami melarang Pak Cik Vikram bermain di tepi sungai itu.
15. Haiwan liar semakin pupus akibat aktiviti pembalakan yang tidak terkawal.
- A. Aktiviti pembalakan perlu dikawal agar tidak mengancam haiwan liar.
 - B. Gangguan haiwan liar terhadap aktiviti pembalakan semakin sukar dikawal.
 - C. Aktiviti pembalakan menyebabkan haiwan liar semakin pupus dan tidak terkawal.
 - D. Aktiviti pembalakan yang tidak terkawal menyebabkan haiwan liar semakin pupus.

16. Pilih ayat yang **betul**.

- A. Buah rambutan itu yang paling termanis sekali.
- B. Aktiviti sukan itu berlangsung selama dua jam.
- C. Murid baharu itu berasal daripada utara tanah air.
- D. Nenek sedang menanak beberapa ketul ubikayu.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Lalita	:	Selamat petang, Yan Shin.
Yan Shin	:	Selamat petang, Lalita. Jemputlah masuk.
Lalita	:	Terima kasih. Sebenarnya saya hendak memulangkan buku cerita ini kepada kamu. Saya sudah habis membacanya.
Yan Shin	:	Apakah pendapat kamu tentang buku cerita ini?
Lalita	:	Ceritanya sungguh menarik sekali. Sehari sahaja saya sudah habis membacanya, tetapi ada perkara yang saya kurang berpuas hati.
Yan Shin	:	Rasanya saya tahu. Kamu tidak berpuas hati kerana misteri utama dalam cerita itu tidak selesai, bukan?
Lalita	:	Ya, bagaimana kamu tahu? Adakah kamu juga berpendapat sama seperti saya?
Yan Shin	:	Sebenarnya, buku cerita ini terdiri daripada tiga siri. Misteri itu hanya terungkai dalam siri ketiga.
Lalita	:	Oh, begitu! Adakah kamu memiliki dua siri sambungan cerita itu? Bolehkah saya meminjamnya? Saya benar-benar ingin tahu kesudahan cerita tersebut.
Yan Shin	:	Sudah tentu boleh, Lalita.
Lalita	:	Terima kasih, Yan Shin.
Yan Shin	:	Sama-sama.

17. Apakah tujuan Lalita pergi ke rumah Yan Shin?

- A. dia hendak meminjam buku cerita
- B. Yan Shin meminta Lalita datang ke rumahnya
- C. dia hendak memulangkan buku cerita yang dipinjamnya
- D. dia hendak berkongsi cerita tentang buku yang dibacanya

18. Lalita tidak berpuas hati kerana
- A. misteri dalam cerita itu tidak terungkai
 - B. tidak dapat meminjam buku daripada Yan Shin
 - C. Yan Shin enggan menceritakan kesudahan cerita itu
 - D. terpaksa meminjam buku lain daripada Yan Shin
19. Apakah simpulan bahasa yang tepat bagi menggambarkan sikap kedua-dua sahabat ini?
- A. rambang mata
 - B. banyak mulut
 - C. ada bakat
 - D. ulat buku
20. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A. Lalita mengambil masa selama dua hari untuk membaca buku itu
 - B. Yan Shin belum habis membaca ketiga-tiga buku itu
 - C. Misteri cerita itu terjawab dalam buku cerita yang ketiga
 - D. Lalita tidak berminat untuk mengetahui kesudahan cerita itu.